

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
KAWASAN : BESUT

SOALAN NO. 167

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perincian status terkini lima (5) projek berimpak tinggi di Pantai Timur khususnya berkaitan cadangan meneruskan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur 3 (LPT3).

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) [dahulunya dikenali sebagai Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)] melalui surat bertarikh 3 Julai 2019 yang lalu telah meluluskan pelaksanaan kerja-kerja awalan bagi Projek Lebuh Raya Pantai Timur Fasa 3 (LPT3) dengan kos keseluruhan berjumlah RM35 juta. Tempoh pelaksanaan kerja-kerja awalan bagi LPT3 dianggarkan akan mengambil masa selama satu (1) tahun dan dijangka selesai pada Februari 2021. Halatuju kaedah pelaksanaan projek hanya boleh dimuktamadkan setelah laporan kerja awalan diperoleh dan tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat.

Kerja-kerja awalan yang terlibat adalah seperti kerja – kerja ukur tanah (termasuk menggunakan teknologi lidar), penyiasatan tanah, kajian awalan impak ke atas alam sekitar (environmental impact screening), kajian impak trafik dan lain-lain yang berkenaan. Kerja – kerja pembinaan hanya akan dilaksanakan setelah jajaran LPT3 ini dipersetujui oleh ketiga-tiga pihak, iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Terengganu, dan juga Kerajaan Negeri Kelantan.

Bagi cadangan Jalan Baharu Menghubungkan Jeli – Tanah Merah – Pasir Puteh, projek ini akan dipohon kepada EPU, JPM untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ke-12 kelak.

Sekian, terima kasih.